

ABSTRAK

Murid-murid di Tahap Satu sekolah rendah dan di sekolah berkeperluan khas sering mengalami pelbagai masalah seperti masalah tingkah laku, masalah pengamatan, masalah kemahiran motor, masalah sosialisasi dan emosi. Oleh itu, **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal Dwibahasa** terdiri daripada perisian untuk latihan pemintal lidah disediakan dengan objektif agar (a) guru-guru dapat mengamalkan aktiviti berasaskan teknologi ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah sebagai usaha membantu murid-murid Tahap Satu sekolah rendah dan di sekolah berkeperluan khas mencapai potensi maksimum sesuai dengan keupayaan mereka; (b) meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, pengamatan, tumpuan, minat dan mengurangkan stres murid-murid Tahap Satu di sekolah rendah dan di sekolah pendidikan khas. **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal Dwibahasa** telah digunakan di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Pagi, Senawang, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam selama tiga bulan melalui kaedah pemerhatian ikut serta, latihan tubi dan catatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, murid-murid Tahap Satu sekolah rendah dan di sekolah berkeperluan khas mendapat manfaat dari segi peningkatan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, pengamatan dan koordinasi motor kasar dan halus. **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal Dwibahasa** juga mampu menjadi terapi kepada murid-murid untuk menyelesaikan pelbagai masalah tingkah laku di bilik darjah kerana mengandungi aktiviti dan dilengkapi bahan yang menyeronokkan. Inovasi ini juga mempunyai kaitan dengan aspek Seni Bahasa yang memberi penekanan kepada “belajar sambil bermain” dan permainan bahasa.



OBJEKTIF



Guru-guru dapat mengamalkan aktiviti terapi ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah sebagai usaha membantu murid-murid Tahap Satu sekolah rendah dan di sekolah berkeperluan khas mencapai potensi maksimum sesuai dengan keupayaan mereka.

Meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, pengamatan, tumpuan, minat, mengurangkan stres dan melaksanakan pembelajaran secara didik-hibur serta memotivasikan murid-murid Tahap Satu di sekolah rendah amnya dan di sekolah pendidikan khas (Murid Berkeperluan Khas) khususnya.



NILAI TAMBAH



Murid-murid Tahap Satu sekolah rendah dan di sekolah berkeperluan khas mendapat manfaat dari segi peningkatan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, pengamatan dan koordinasi motor kasar dan halus. **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal Dwibahasa** juga mampu menjadi terapi kepada murid-murid untuk menyelesaikan pelbagai masalah tingkah laku di bilik darjah kerana mengandungi bahan yang menyeronokkan. Inovasi ini juga mempunyai kaitan dengan aspek Seni Bahasa (KSSR) yang memberi penekanan kepada “belajar sambil bermain” dan permainan bahasa.



POTENSI KOMERSIALISASI



Keberkesanan kos **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal Dwibahasa** adalah tinggi kerana hanya bernilai RM7 seunit untuk Perisian Pemintal Lidah (CD) dan juga didapati secara dalam talian. Kebolehpasarannya juga tinggi kerana amat sesuai digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk mengajar sebutan bahasa baku yang betul dan digunakan secara dalam talian oleh pelajar atau orang awam yang berkeinginan belajar bertutur dengan betul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



PENGIKTIRAFAN



Pingat Emas
International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2018
Pingat Emas
International Putra InnoCreative Poster Competition (PicTL) 2020



KEGUNAAN



Melalui **Aplikasi Moodle Kit Maya Mari Memintal**, murid-murid OKU dan murid-murid normal yang bermasalah tingkah laku telah menunjukkan tindak balas positif, menyebut dengan jelas, tersusun dan lancar serta menampilkan tumpuan dan pengamatan yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui moodle, murid dapat mengakses kit ini pada bila-bila masa dan berupaya mempelajari serta dapat memotivasikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan dapat dilaksanakan secara didik-hibur.

Prof. Madya Dr. Faridah binti Nazir
Kulliyah of Languages and Management,
International Islamic University Malaysia, Pagoh, Johor
fidafn@iium.edu.my



Dr. Mazni binti Saad
Kulliyah of Languages and Management,
International Islamic University Malaysia, Pagoh, Johor
maznisaad@iium.edu.my



Amril Zalha bin Ramli Mohd Yunos
Sekolah Kebangsaan Desa Jaya, Maran, Pahang
insanseni86@gmail.com

